



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN BAZAR RAMADAN MEGA TAHUN 2021

24 APRIL 2021 (SABTU), JAM 10.00 MALAM
DI TAPAK PARKING PKNM, MITC

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum warramatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya,
Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.**

Terima kasih Pengacara Majlis;

Yang Berhormat Datuk Seri Abdul Ghafaar bin Atan,
EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar;

Yang Berhormat Datuk Norhizam bin Hassan Baktee,
EXCO Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan
dan Koperasi;

Yang Berbahagia Datuk Shadan Bin Hj. Othman,
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
(MPHTJ);

Yang Berusaha Encik Jaafar bin Daud,
Penganjur Bazar Ramadan Mega Tahun 2021;

Seterusnya, peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan Negeri Melaka, Tuan-tuan dan Puan-puan, hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

MUKADIMAH

Apa khabar semua? Orang Melaka semuanya sihat ya?

1. Alhamdulillah, hari ini genap 12 hari kita berpuasa. Syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita diberi nikmat kesihatan yang baik untuk sama-sama hadir pada Majlis

Perasmian Bazar Ramadan Mega bagi Tahun 2021. Di kesempatan ini, rasanya masih belum terlewat lagi untuk saya mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua para peniaga dan rakyat Negeri Melaka.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada penganjur yang bertungkus lumus untuk menjayakan bazar ini, agar dapat beroperasi pada tahun ini di mana terpaksa melalui frasa yang amat sukar untuk memastikan segalanya berjalan lancar

di samping mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

PEMATUHAN TERHADAP SOP BAZAR RAMADAN

3. Ramadan kali ini, bagi saya ia lebih istimewa buat kita semua berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun ini, pihak Kerajaan Negeri sangat prihatin kerana telah membenarkan pengoperasian bazar Ramadan, penyediaan bufet Ramadan di hotel-hotel

serta kedai-kedai makanan selain kebenaran menunaikan solat Terawih di masjid-masjid dan surau di negeri ini.

4. Di kesempatan ini, saya juga ingin menegaskan di sini bahawa setiap penganjuran sama ada bazar Ramadan mahupun pasar Ramadan perlulah mematuhi setiap garis panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

5. Tujuan ini demi memastikan tiada penularan wabak COVID-19 semasa penganjuran bazar atau pasar Ramadan ini dilaksanakan. Saya tidak mahu, apa yang berlaku di sesetengah negeri di mana terpaksa membatalkan penganjuran akibat wabak yang semakin meningkat ini, berlaku juga di Melaka.
6. Saya akui, rentetan penularan wabak COVID-19 yang masih tidak ada noktahnya ini, banyak sektor dan individu telah terjejas dengan teruk, sekali gus memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Melaka khususnya. Saya juga ada dengar dan baca

sendiri keluhan dan kesusahan rakyat yang menghadapi cabaran kehidupan semasa tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di dalam media sosial rasmi saya.

7. Justeru Kerajaan Negeri sangat prihatin dengan kebajikan rakyat dan membenarkan peniaga-peniaga berniaga untuk meraih hasil pendapatan. Sama-sama kita berdoakan agar musibah dan ujian ini segera berlalu supaya rakyat Negeri Melaka khususnya dapat menjalani kehidupan lebih selesa dan harmoni.

Saudara dan saudari,

PERASMIAN BAZAR RAMADAN MEGA TAHUN 2021

8. Bazar Ramadan Mega di Dataran MITC ini, adalah antara penganjuran terbesar di negeri ini selain di beberapa lokasi lain. Keadaan ini mampu menyemarakkan lagi kegiatan ekonomi peniaga kecil yang selama ini sememangnya dihimpit keresahan ekoran wabak COVID-19 yang melanda dunia.

9. Saya difahamkan, seramai **270** orang peniaga menjalani aktiviti perniagaan di sini adalah daripada kalangan mereka yang telah mendaftarkan diri untuk menjalankan aktiviti perniagaan pada tahun lalu, namun terpaksa dibatalkan biarpun sebahagian besar sudah meletakkan deposit.

10. Justeru, atas keprihatinan Kerajaan Negeri Melaka, usahawan yang terjejas pada tahun 2020, dapat kembali berniaga pada tahun ini. Secara tidak langsung, kebenaran penganjuran bazar ini sedikit

sebanyak dapat membantu semua peniaga dan usahawan meningkatkan ekonomi diri dan keluarga.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

PENUTUP

11. Akhir kata, dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya, merasmikan Bazar Ramadan Mega Tahun 2021.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ ...

-TAMAT-